

**PEMBANGUNAN KANDIS RESOURCE CENTRE –  
PEMANGKIN PELANCONGAN PENDIDIKAN**

**AFANDI BIN FIKRI**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**DEDIKASI**

*Ayahanda, bonda  
isteri dan anak-anak  
serta sahabat-sahabat seperjuangan*

## PENGHARGAAN

### *Dengan Nama Allah Yang Pemurah Lagi Maha Pengasihani*

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keberkatanNya, akhirnya projek ini telah dapat disiapkan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Pelancongan).

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas dan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia projek, Prof. Dr. Amran B. Hamzah atas bimbingan dan tunjuk ajar serta dorongan beliau sepanjang tempoh penyelidikan ini. Ribuan terima kasih juga kepada Prof. Dr. Zainab Bt. Khalifah, Dr. Hairul Nizam B. Ismail, En. Ahmad Tajuddin B. Kechik dan Pn. Nor Azina Bt. Dahlan diatas segala tunjuk ajar dan dalam memberikan pandangan serta nasihat berguna sewaktu tempoh pembelajaran.

Penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Pengarah Kandis Resource Centre (KRC), Pegawai Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Pegawai Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan (JKKWK), Pegawai Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan (PKKMK), Pegawai Bahagian Pembangunan Majlis Daerah Bachok (MDB), Pegawai Majlis Tindakan pelancongan Negeri Kelantan (MTPNK), Pegawai Pusat Penerangan Pelancong Kelantan (TIC) dan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK), Badan Warisan Malaysia (BWM) dan resort-resort di sekitar Kampung Kandis serta penduduk di Kampung Kandis sekitar KRC di atas kerjasama dalam menyiapkan projek sarjana ini.

Tidak dilupakan juga kepada semua yang terlibat dalam penyiapan laporan projek ini samada secara langsung atau tidak langsung, penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga semoga apa yang telah dicurahkan itu akan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

## ABSTRAK

Industri pelancongan kini merupakan industri yang kedua terpenting dalam memberikan sumbangan ekonomi kepada Malaysia. Dalam industri pelancongan terdapat pelbagai jenis pelancongan termasuklah pelancongan kebudayaan dan warisan. Melalui pelancongan jenis ini, ianya boleh dijadikan sebagai pemangkin kepada pelancongan pendidikan. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat kajian terhadap Pembangunan Kandis Resource Centre sebagai pemangkin kepada pelancongan pendidikan. Dalam kajian ini, penulis telah cuba untuk melihat potensi KRC dan apakah yang mendorong pelawat atau pelancong untuk melawat KRC ini. Jadi, beberapa ciri telah dikenal pasti melalui kajian-kajian kes yang diperolehi daripada jurnal tentang ciri-ciri tersebut juga daripada temubual dengan responden-responden. Kajian ini dibuat secara kualitatif menggunakan *open-ended question* terhadap responden-responden yang ada hubungan dengan KRC, yang berkaitan dengan industri pelancongan dan juga organisasi yang ada kaitan dengan pelancongan pendidikan. Penggunaan teknik analisis seperti IPA digunakan bagi menganalisis ciri-ciri tarikan yang terdapat di KRC yang mana interpretasinya adalah dalam bentuk matriks yang dibahagikan kepada empat kuadrat. Daripada rumusan hasil kajian, penulis membuat kesimpulan bahawa pembangunan KRC ini dapat dilihat daripada empat aspek iaitu kedudukan KRC dalam bentuk kuadrat, kejayaan pembangunan KRC ini bergantung kepada faktor dalam dan luaran, kedudukan KRC dilihat berdasarkan model *destination of life cycle – Butler Sequence* dan cadangan-cadangan am yang boleh diketengahkan terhadap beberapa aspek yang perlu diberi perhatian oleh pihak Pengurusan KRC untuk menarik lebih ramai lagi pelawat dan juga pelancong dalam usahanya untuk memangkin kepada pelancongan pendidikan di KRC.

## **ABSTRACT**

Today, tourism industry in Malaysia gives a second importance economy contribution to Malaysia. In the tourism industry, there are many types of tourism including culture and heritage tourism. Thus, through this tourism, it also can catalyze the educational tourism. The researcher has made a research about the development of Kandis Research Centre as a catalyst in the tourism educational by looking the potential of KRC and what are the factors that influence visitors or tourists to visit KRC. Some of attributions have been found from the past case studies and from the interviewing with the respondents. A qualitative method was used, with interviews using open-ended questions with those which have connections with KRC, in the tourism industry and the agency which involves with educational tourism. The technique such as Importance-Performance Analysis (IPA) was used to analyze the attributions attraction at KRC, which the interpretations were made by using Matrix Importance – Performance that was divided into 4 quadrants. In conclusion, the researcher has concluded that the development of KRC can be seen in a quadrant form, the successful of development of KRC depends on internal and external factors, the condition of KRC can be seen based on destination of life cycle – Butler Sequence Model and general suggestions also been suggested in this report in order to attract more visitors and tourists to visit KRC.

**KANDUNGAN**

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	5

1.4	Matlamat dan Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Kawasan Kajian	8
1.8	Kepentingan Kajian	9
1.9	Rekabentuk Kajian	9
1.9.1	Penggunaan Teknik Analisis	10
1.10	Definisi Terma	13
<b>BAB II</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Pelancongan Pendidikan	14
2.3	Pelancongan Budaya dan Warisan	20
2.4	Muzium dan Galeri Seni Sebagai Tarikan Pelancongan Budaya Dan Warisan	21
2.5	Kajian Kes Berkenaan Dengan Permintaan Pelancongan Warisan Di Ireland Utara	23
2.6	Kajian Kes Terpilih Berkenaan Dengan Keutamaan Pengalaman dan Dari Perspektif Pelawat Muzium Terhadap Pelancongan Warisan	23
2.6.1	Penilaian Tentang Pengalaman Melawat Muzium Michigan	24
2.7	Kajian Kes Terpilih Berkenaan dengan Ciri-ciri ( <i>Attributes</i> ) Tempat-tempat Tarikan Kebudayaan Populer di Hong Kong	25

2.8	Kajian Kes Berkenaan Dengan Penilaian Sebuah Muzium Sebagai Produk Pelancongan Menggunakan Kaedah <i>Servqual</i>	27
2.9	Kajian Kes Terpilih Berkenaan Dengan Perkhidmatan Muzium Warisan Di England	28
2.9.1	The Moyse's Hall Museum	28
2.9.2	The Manor House Museum	29
2.9.3	The Haverhill Local History Centre	30
2.9.4	The West Stow Country Park and Anglo Saxon Village	30
2.10	Kajian Kes Terpilih Berkenaan Dengan Pengurusan Warisan Di Jepun	31
2.10.1	Kurashiki	31
2.10.2	Ise Shi	32
2.10.3	Shirakawa Go	32
2.11	Komponen-komponen Penawaran dalam Industri Pelancongan	33
2.12	Ciri-ciri ( <i>Attributes</i> ) Yang Penting Dalam Menjayakan Pelancongan Budaya dan Warisan	38
2.12.1	Produk Yang Ditawarkan	38
2.12.2	Pengalaman Pelancong	38
2.12.3	Promosi dan Pemasaran Dalam Pelancongan	39
2.12.4	Keselamatan Pelancong	41
2.12.5	Infrastruktur Di Sesebuah Destinasi	41
2.12.6	Pengurusan Dalam Pelancongan	42



2.13	Ciri-ciri ( <i>Attributes</i> ) Yang Menjadi Daya Penarik Ke KRC	44
------	--	----

### **BAB III      KAWASAN KAJIAN**

3.1	Pengenalan	45
3.2	Pelan Induk Seni Budaya Kelantan Tahun Depan	47
3.3	Lokasi Kawasan Kajian	49
3.4	Latar Belakang Kawasan Kajian	50
	3.4.1   Objektif Penubuhan KRC	51
3.5	Aktiviti-aktiviti Kandis Resource Centre Yang Telah Lepas	52
3.6	Cadangan Program-program Yang Ditawarkan di KRC	53
	3.6.1   Pelancongan Pendidikan	54
	3.6.2   Pakej Senibina	58
	3.6.3   Pakej Lanskap	61
	3.6.4   Pakej Persekitaran	63

**BAB IV ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1	Pengenalan	65
4.2	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Produk Yang Ditawarkan	67
4.2.1	Konsep dan Imej KRC	67
4.2.2	Program Atau Pakej Pelancongan Yang Ditawarkan	70
4.2.3	Jenis Pameran Yang Dipamerkan	72
4.2.4	Konsep Penerapan Pelancongan Pendidikan	74
4.3	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Pengalaman Pelancong	75
4.3.1	Pertunjukan Demonstrasi	75
4.3.2	Keaslian Artifak dan bahan Pameran	77
4.4	Analisis Temubual Berkenaan dengan <i>Value For Money</i>	79
4.5	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Kepimpinan	80
4.5.1	Hubungan Dengan Agensi Atau Badan Kerajaan	80
4.5.2	Hubungan Dengan NGO	85
4.5.3	Hubungan Dengan Pihak Swasta dan Orang Perseorangan	85
4.6	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Infrastruktur dan Ameniti	86
4.6.1	Kemudahan Pelawat	86
4.6.2	Keselamatan	87
4.6.3	Pengangkutan	88

4.6.4	Penginapan	89
4.7	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Pengurusan Tarikan	89
4.7.1	Pengurusan Di Lokasi	89
4.7.2	Latihan Kakitangan	90
4.7.3	Kebersihan Persekitaran	91
4.8	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Peasaran dan Promosi	93
4.8.1	Aspek Pemasaran	93
4.8.2	Sasaran Pengunjung	94
4.8.3	Unjuran Pengunjung	95
4.9	Analisis Temubual Berkenaan Dengan Sumberjaya	83
4.9.1	Tarikan Sekeliling	96
4.9.2	Jarak Dengan Tarikan-tarikan Pelancongan Yang Lain	96

## **BAB V**

### **RUMUSAN HASIL KAJIAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	98
5.2	Kedudukan Sekarang KRC Berada Dalam Kuadrat Samada Q1, Q2, Q3 atau Q4	99
5.3	Pembangunan KRC Bergantung Kepada Faktor Dalaman Dan Faktor Luaran	100

5.4	Kedudukan KRC berdasarkan kepada Model <i>Destination Life Cycle - Butler Sequence</i>	102
5.5	Cadangan Am Yang Perlu Diberi Perhatian Oleh Pengurusan KRC	105
5.6	Kepentingan Pembangunan KRC Kepada Masyarakat Setempat	112
5.7	Kesimpulan	113
	RUJUKAN	114
	LAMPIRAN	

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Importance-Performance Analysis (IPA)	11
2.1	Ciri-ciri (attributes) Tempat-tempat Tarikan Kebudayaan Popular Di Hong Kong	25
2.2	Enambelas Kawasan Kajian Terhadap Tempat Tempat Tarikan Kebudayaan Popular Di Hong Kong	27
2.3	Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Sesebuah Tarikan Pelancongan	36
3.1	Ketibaan Pelancong Domestik dan Antarabangsa Ke Kelantan	47
3.2	Program dan Aktiviti Pelancongan Pendidikan Di KRC	57
3.3	Program dan Aktiviti Senibina Di KRC	60
3.4	Program dan Aktiviti Lanskap Di KRC	62
3.5	Program dan Aktiviti Alam Sekitar Di KRC	64
4.1	Tema Temubual Dengan Responden	66
5.1	Pembangunan KRC Bergantung Kepada Faktor Dalaman dan Faktor Luaran	101

5.2	Kaedah Komunikasi Pemasaran Berkesan	111
-----	--------------------------------------	-----

### SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Carta Alir Penyelidikan	7
1.2	Matriks Importance-Performance (IPA)	12
2.1	Model Kategori Pelancongan Pendidikan	16
2.2	Pakej Pelancongan Yang Ditawarkan Oleh Agensi Pelancongan TM Tours Di Malaysia	18
2.3	Program Lawatan Pendidikan Untuk Pelajar Di Hutan Amazon	18
2.4	Salah Satu Penawaran Pelancongan Pendidikan Di Thailand	19
2.5	Model Pelancongan Pendidikan Berasaskan Kajian, Lawatan Dan Menambah Ilmu Pengetahuan	19
2.6	Empat Komponen Dalam Penawaran Pelancongan	35
2.7	Faktor-faktor Penarik Yang Mempengaruhi Ke Destinasi	37
2.8	Daya Tarikan Pelancong Ke KRC	44
3.1	Peta Negeri Kelantan – Dan Lokasi KRC	46
5.1	<i>Destination of Life Cycle – Butler Sequence</i>	102

5.2	Kepentingan Pembangunan KRC Terhadap Masyarakat Setempat	112
-----	--	-----

**SENARAI SINGKATAN**

KRC	KANDIS RESOURCE CENTRE
JKKN	JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA
JKKWK	JABATAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN KELANTAN
PKKMK	PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA CAWANGAN KELANTAN
MDB	MAJLIS DAERAH BACHOK
MTPNK	MAJLIS TINDAKAN PELANCONGAN NEGERI KELANTAN
TIC	<i>TOURIST INFORMATION CENTRE</i> (PUSAT PENERANGAN PELANCONG)
JPNK	JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN
NGO	NON GOVERNMENT ORGANISATION
BWM	BADAN WARISAN MALAYSIA
Q1	KUADRAT 1
Q2	KUADRAT 2
Q3	KUADRAT 3
Q4	KUADRAT 4



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

World Tourism Organisation - WTO (1993) telah mencadangkan bahawa pelancongan mengandungi aktiviti-aktiviti bagi individu yang mengembara dan berada di luar daripada kawasan persekitaran bagi dirinya, tidak lebih dari satu tahun bagi tujuan bersiar-siar, perniagaan dan tujuan-tujuan lain. WTO menganggarkan ketibaan pelancong diseluruh dunia mencecah 1 bilion orang menjelang tahun 2010. McIntosh (1995) mengatakan bahawa industri pelancongan merupakan sebuah industri yang semakin berkembang pesat sejak dekad ini. Gunn (1998) mengatakan bahawa industri pelancongan akan terus menjadi satu fenomena pertumbuhan ekonomi dan sosial yang paling pesat pada abad ke 21 ini.

Meskipun persaingan semakin meningkat di kalangan negara-negara di seluruh dunia bagi menarik kedatangan pelancong, sektor pelancongan di Malaysia dijangka menerima manfaat daripada pertumbuhan pelancongan antarabangsa dalam tempoh

RMKe-9 dan ketibaan pelancong ke Malaysia dijangka meningkat pada purata 8.4% setahun dan kedatangan pelancong dijangka mencapai 24.6 juta orang menjelang tahun 2010 dengan pendapatan pelancongan dijangka sebanyak RM59.4bilion. Utusan Malaysia (3 April 2005) industri pelancongan di Malaysia telah menyumbang sebanyak pendapatan RM29.7 bilion kepada pendapatan negara dengan kemasukan 15.7 pelancong asing pada tahun lalu.

Dalam tempoh RMK9, usaha bersepadu akan dipacukan dalam merealisasikan potensi industri pelancongan bagi meningkatkan sumbangannya dalam sektor perkhidmatan secara khusus dan ekonomi secara keseluruhan. Memandangkan industri ini menjana kesan pengganda yang tinggi dalam pelbagai sektor, aktiviti pelancongan akan menyediakan satu landasan yang lebih luas bagi rangkaian antara sektor. Lebih banyak usaha bersepadu akan diambil untuk mengembleng dan menyalurkan sumber bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta membangunkan lebih banyak produk dan perkhidmatan pelancongan yang inovatif. Langkah Kerajaan Malaysia menstrukturkan semula pakej dan produk pelancongan disifatkan sebagai kaedah berkesan untuk menarik lebih ramai para pelancong asing mengunjungi negara ini dan menjana pertumbuhan industri pelancongan. Bagi meningkatkan keunikan tarikan terhadap produk dan perkhidmatan pelancongan di Malaysia, kerajaan terus mempromosi kelebihan tradisional negara iaitu dalam pelancongan kebudayaan dan warisan semulajadi iaitu dalam :

- a) Ekopelancongan, agropelancongan dan program inap desa
- b) Pelancongan kebudayaan dan warisan
- c) Acara Bertema
- d) Sukan dan rekreasi
- e) Pelancongan pendidikan
- f) Pelancongan kesihatan
- g) Program Malaysia Rumah Keduaku.

Menurut dalam RMK9, menyedari potensi pelancongan pendidikan sebagai satu segmen pasaran baru untuk meningkatkan pendapatan tukaran asing, pelbagai langkah telah diambil dalam mempromosikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Pendapatan tukaran asing dari pasaran baru muncul meningkat daripada RM220 juta pada tahun 2000 kepada RM450 juta pada tahun 2005. Dalam RMK9, sebagai menggalakkan lagi sektor pelancongan pendidikan, lima pusat Penggalakkan Pendidikan Malaysia telah didirikan di Beijing, Ho Chi Minh City, Jakarta dan Jeddah untuk mempromosikan peluang-peluang pendidikan yang terdapat di Malaysia. Sebenarnya, pelancongan pendidikan boleh dikategorikan kepada dua iaitu pertama penubuhan institusi pengajian tinggi dan menggalakkan kemasukan para pelajar luar negara untuk belajar di sesebuah negara dan kedua pelancongan pendidikan sebagai memberi ilmu pengetahuan dan membuat kajian terhadap aktiviti-aktiviti yang terlibat secara langsung dengan industri pelancongan disamping memberi pendedahan secara tidak langsung kepada para remaja, belia atau pelajar yang berkaitan dengan ilmu dan aktiviti pelancongan.

Dalam konteks pelancongan pendidikan berasaskan pelancongan pendidikan berasaskan kajian, lawatan dan untk menambah ilmu pengetahuan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Program Pelancongan Pelajar (3P) yang telah dilancarkan dengan rasminya oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bersama dengan Menteri Pendidikan pada 24 Februari 2001. Tujuannya adalah untuk menyemarakkan lagi aktiviti pelancongan domestik dengan memupuk budaya melancong di dalam negara sendiri di kalangan pelajar terutama membuat lawatan kontekstual ke tempat-tempat bersejarah, kebudayaan, pelancongan eko dan sebagainya. Disamping itu juga, dengan adanya lawatan kontekstual oleh para pelajar, remaja dan belia, dapatlah mereka merasai *hands on experience* sewaktu mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan oleh sesebuah lawatan tersebut. Miller (1991) mengatakan bahawa, pembelajaran pelancongan adalah merupakan satu bentuk pelancongan yang dapat memberi pengalaman yang menghiburkan dan berbentuk pendidikan samada kepada pelawat atau pelajar.

## 1.2 Latarbelakang Kajian

Manusia sekarang berkecenderung untuk mencari kelainan termasuklah bagi kebudayaan tradisional dan kebudayaan warisan yang boleh dikaitkan dengan pelancongan pendidikan, pelancongan pendidikan ini boleh menjadi permintaan utama dalam industri pelancongan. Menurut Richards (1995), melalui strategi pelancongan kebudayaan dan warisan yang wujud, boleh digunakan untuk merencanakan lagi pelancongan tempatan dan menolong bentuk pelancongan yang bermusim. Ini bermaksud, kita juga boleh kaitkan tentang kebudayaan tradisional dan kebudayaan warisan ini untuk merencanakan dan sebagai pemangkin dalam pelancongan pendidikan. Di Kelantan, terdapat sebuah pusat kebudayaan Melayu yang bertujuan untuk menjaga dan memelihara seni ukir budaya Melayu iaitu Kandis Resource Centre (KRC) yang didirikan di Kandis, Bachok Kelantan. KRC yang ditubuhkan pada tahun 2000, sememangnya mempunyai keunikan tersendiri. Keunikan ini kerana penubuhannya adalah yang pertama di Kelantan yang menawarkan sebuah institusi sebagai rujukan terhadap kesenian, kraf dan seni ukir kayu Melayu. Malah Datin Waveney Jenkins seorang aktif dalam Badan Warisan Malaysia, seorang pengarca dan pelukis telah diberi mandat untuk menerajui projek yang sedang dirancang oleh KRC setelah beliau yakin dan percaya dengan ilmu dan kebolehan dalam seni ukir Melayu yang berasaskan Langkasuka oleh Allahyarham Nik Rashiddin Nik Hussein dan Saudara Norhaiza Nordin. Projek pembinaan sebuah muzium dan galeri oleh KRC yang sedang dalam proses pembinaan sekarang akan mempamerkan segala hasil seni, kraf, seni ukir Melayu dan juga disediakan bengkel pendidikan seni, bengkel tempat mengukir kayu dan tempat bagi demonstrasi bagi para pengunjung dan pelancong yang datang ke KRC. Bagi jangka masa panjang, KRC akan mengembangkan aktiviti program dengan membina sebuah akademi yang bertujuan untuk mengajar para belia dan juga mereka yang berminat dalam seni ukir kayu serta yang berkaitan dengan kraf Melayu khususnya seni Langkasuka bagi menjamin agar seni Melayu tidak pupus ditelan zaman. Sebuah buku terbitannya iaitu *The Spirit of Wood and The Art of Malay Woodcarving*, telah membuktikan bahawa KRC ini memang bersungguh-sungguh untuk menjadi sebagai sebuah pusat kebudayaan Melayu iaitu dengan menubuhkan muzium dan galeri

seni yang berkonsepkan Langkasuka yang unggul dan terkenal bagi kesenian, kraf dan seni ukir kayu Melayu yang utama di Kelantan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan kepada tujuan utama KRC sebagai sebuah pusat kesenian Melayu iaitu dengan membina muzium dan galeri, adakah KRC ini berpotensi untuk menjadi Pusat Kebudayaan Melayu yang utama di Kelantan ? Apakah konsep dan program yang ditawarkan oleh KRC dalam usaha untuk menjadikan KRC sebagai destinasi tarikan pelancongan pendidikan ? Segala perancangan dan aktiviti serta komponen-komponen yang berkaitan dengan muzium dan galeri dalam menawarkan tarikan pelancongan pendidikan haruslah perlu diambil kira dan bertepatan dengan konsep pelancongan pendidikan dalam usaha untuk menggalakkan kunjungan pelawat dan pelancong dan seterusnya KRC dapat menjadi destinasi tarikan pelancongan pendidikan yang terunggul di Negeri Kelantan khususnya.

### **1.4 Matlamat dan Objektif Kajian**


Matlamat penyelidikan ini adalah untuk melihat potensi Kandis Resource Centre yang menawarkan konsep dan program pelancongan pendidikan dengan kepada pengunjung dan juga pelancong sekaligus dapat menjamin agar seni Melayu tidak pupus ditelan zaman. Apabila pembangunan konsep dan serta program yang ditawarkan ini yang dapat menarik minat serta dapat memberikan pengalaman pelancong (*tourist experience*) dengan ini menunjukkan bahawa Kandis Resource Centre telah dapat merealisasikan pelancongan pendidikan dan seterusnya menjadikan tempat ini sebagai destinasi tarikan pelancongan pendidikan.

**Objektif kajian ini ialah untuk :**

- a) meninjau konsep dan program yang ditawarkan oleh KRC dalam usaha untuk menjadikannya sebagai tarikan pelancongan pendidikan.
- b) meninjau pengalaman pelancong (*tourist experience*) yang boleh diperolehi di KRC
- c) meninjau tarikan semulajadi / sumberjaya yang dapat membantu menggalakkan pelawat dan pelancong ke KRC
- d) melihat perhubungan awam, teknik pengurusan dan strategi pemasaran yang praktikkan oleh Pengurusan KRC sekarang.

**1.5 Persoalan Kajian**

- a) Apakah imej yang cuba ditonjolkan oleh KRC ?
- b) Apakah konsep dan program pendidikan yang ditawarkan oleh KRC ?
- c) Apakah pengalaman pelancong (*tourist experience*) yang dapat diperolehi di KRC ?
- d) Apakah terdapatnya tarikan semulajadi / sumberjaya di sekitar KRC ?
- e) Apakah bentuk perhubungan awam, teknik pengurusan serta strategi pemasaran semasa yang dipraktikkan oleh Pengurusan KRC sekarang ?



## **1.6 Skop Kajian**

Untuk mencapai matlamat dan objektif kajian, skop kajian ini adalah adalah seperti berikut iaitu potensi Kandis Resource Centre sebagai destinasi tarikan pelancongan pendidikan.

- a) Kajian teoritikal tentang konsep pelancongan pendidikan
- b) Kajian teoritikal terhadap pengalaman pelancong di muzium dan galeri
- c) Kajian terhadap sumberjaya/tarikan pelancongan disesebuah destinasi pelancongan
- d) Kajian teoritikal terhadap pengurusan di destinasi pelancongan
- e) Kajian teoritikal terhadap aspek pemasaran dalam pelancongan.

## **1.7 Kawasan Kajian**

Kandis Resource Centre (KRC) terletak di Kampung Kandis Bachok Kelantan. Ianya sedang dibangunkan untuk menjadi sebuah muzium dan galeri bagi menempatkan segala hasil kerja tangan Allahyarham Nik Rashiddin B. Hj. Nik Hussein serta Norhaiza Nordin. Manakala galeri pula akan digunakan untuk mempamer dan menyimpan karya-karya Allahyarham Nik Rashiddin yang telah beliau hasilkan. KRC dibangunkan di atas tanah seluas 6 ekar yang berhampiran dengan Pantai Kandis yang beralamat di Lot 225, Kampung Kandis, Telong, 16310 Bachok Kelantan.



## 1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan daripada kajian ini ialah untuk membantu pihak Pengurusan KRC dalam memajukan dan memantapkan lagi konsep dan program yang ditawarkan oleh KRC dan juga dengan adanya pembinaan dan muzium dan galeri dapatlah pihak Pengurusan KRC mempeluaskan lagi kegiatan seni warisan Melayu, kraf dan seni ukiran Melayu berasaskan Langkasuka dan seterusnya secara tidak langsung boleh merealisasikan pelancongan pendidikan. Hasil daripada kajian ini juga boleh digunapakai oleh pihak-pihak yang ingin memajukan atau membangunkan institusi atau pusat kebudayaan, warisan dan kraf untuk mengenalpasti ciri-ciri atau faktor-faktor yang perlu diambil kira sekiranya mereka ingin memajukan dan membangunkan institusi atau pusat kebudayaan, warisan dan kraf dan sekaligus dapat merealisasikan pelancongan pendidikan di Malaysia.

Di samping itu juga, pengkaji juga ingin memperlihatkan sekiranya pembangunan muzium, galeri dan juga akademi yang akan dibina nanti mampu menarik lebih ramai pelancong dan juga pelawat, ianya akan turut memberi kesan kepada penglibatan masyarakat setempat seperti merancakkan lagi pengusaha pengangkutan, restoran dan gerai, industri desa, homestay, kumpulan persembahan kebudayaan, pengusaha *retail outlets*, pemandu pelancong dan pengusaha penginapan.

## 1.9 Rekabentuk kajian

Rekabentuk kajian yang dibuat oleh pengkaji ialah secara kualitatif. Instrumen yang digunapakai kajian ini ialah menemuramah secara (*interview*) menggunakan *open-ended question* dengan Pengarah Kandis Resource Centre sendiri. Manakala agensi atau organisasi kerajaan yang terlibat pula ialah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Kelantan, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Kelantan, Bahagian

Pembangunan Majlis Daerah Bachok, Majlis Tindakan pelancongan Negeri Kelantan dan Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan serta Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Bagi NGO pula ialah Badan Warisan Malaysia dan pihak swasta pula ialah resort-resort di sekitar Kampung Kandis dan akhir sekali penduduk di sekitar Kampung Kandis. Soalan-soalan atau tema yang ditanya adalah berkisarkan kepada aspek produk yang ditawarkan, pengalaman pelancong, kepimpinan, infrastruktur dan pengurusan tarikan, pemasaran dan sumberjaya. Disamping itu juga, pengkaji juga menelefon kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai tindakan susulan untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang difikirkan perlu dalam kajian ini bagi mendapatkan data dan maklumat yang lebih lengkap dan sempurna.

Pengkaji juga membuat tinjauan ke atas sumberjaya dan inventori serta tarikan-tarikan pelancongan di sekitar KRC dalam usaha untuk membangunkan Kandis Resource Centre sebagai tarikan kepada pelancongan kebudayaan dan warisan dan sekaligus dapat menjadikannya sebagai destinasi bagi pelancongan pendidikan.

### **1.9.1 Penggunaan Teknik Analisis**

Kaedah atau teknik analisis yang bersesuaian digunakan untuk menilai ciri-ciri yang dianggap penting dalam membri penilaian terhadap keupayaan Kandis Resorce Centre dalam merealisasikan terhadap pelancongan pendidikan dan seterusnya dapat menarik kedatangan pengunjung atau pelancong ke Kandis Resource Centre.

Kaedah yang sesuai difikirkan oleh pengkaji ialah untk menganalisis ciri-ciri Kandis resource Centre sebagai tarikan pelancongan budaya dan warisan ialah menggunakan *Importance-Performance Analysis (IPA)*

### 1.9.1.1 Konsep Penggunaan *Importance-Performance Analysis*

Ianya merupakan satu kaedah yang menekankan kepada kepelbagaian ciri-ciri. Melalui kaedah ini, ianya berdasarkan kepada andaian bahawa sesebuah industri boleh meningkatkan kejayaannya dengan memastikan ia boleh mencapai prestasi (*performance*) yang baik di dalam ciri-ciri yang dianggap penting. Dalam kaedah ini juga, ianya membolehkan pengkaji melakukan penilaian terhadap ciri-ciri yang penting dalam membangunkan sesuatu tarikan pelancongan dan seterusnya dapat memastikan ianya boleh mencapai prestasi yang baik.

**Jadual 1.1 : Importance –Performance Analysis (IPA)**

<b><i>IMPORTANCE-PERFORMANCE ANALYSIS (IPA)</i></b>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menekankan kepada kepelbagai ciri-ciri</li> <li>• Berdasarkan kepada persepsi individu terhadap ciri-ciri yang dianggap penting</li> <li>• Berdasarkan kepada andaian bahawa sesebuah industri boleh meningkatkan kejayaannya dengan memastikan ianya telah mencapai prestasi yang baik terhadap ciri-ciri yang dianggap penting</li> <li>• Kepentingan ciri dan prestasi boleh diukur atau dinilai dengan serentak</li> <li>• Intepretasi adalah dalam bentuk matriks yang boleh dibahagikan kepada empat (4) kuadrat.</li> </ul>

<b>KEPENTINGAN</b>	<b>Q1</b>	<b>Q2</b>
	<b>Concentrate Here</b> <b>High Performance</b> <b>Low Performance</b>	<b>Keep up The Good Work</b> <b>High Importance</b> <b>High Performance</b>
	<b>Q3</b>	<b>Q4</b>
	<b>Low Priority</b> <b>Low Importance</b> <b>Low Performance</b>	<b>Possible Overskill</b> <b>Low performance</b> <b>High Performance</b>
	<b>PRESTASI</b>	

**Rajah 1.2 : Matrix of Importance –Performance Analysis (IPA)**

**Penerangan :**

**Q1** - Ciri-ciri yang terdapat dalam kuadrat ini dianggap sangat penting kepada tempat tarikan pelancongan tetapi mempunyai prestasi yang rendah. Keadaan ini menunjukkan pembaikan perlu dilakukan kerana ianya menunjukkan kelemahan yang utama.

**Q2** - Ciri yang terdapat dalam kuadrat ini dianggap sangat penting kepada tempat tarikan pelancongan dan mempunyai tahap prestasi yang tinggi. Keadaan ini menunjukkan tahap keupayaan yang tinggi terhadap ciri-ciri ini kerana ianya menunjukkan kekuatan yang utama.

**Q3** - Ciri dalam kuadrat ini dianggap tidak penting dan mempunyai tahap prestasi yang rendah. Jadi, ianya dianggap tidak penting dan mempunyai prestasi yang rendah, maka kerana itu ianya dianggap tidak penting sangat.

**Q4** – Ciri dalam kuadrat ini dianggap tidak penting tetapi mempunyai tahap prestasi yang tinggi. Ini kerana terdapatnya keadaan yang mungkin baik dan selesa di tempat tarikan pelancongan tadi. Jadi tidak perlu banyak usaha untuk meningkatkan mutu prestasinya. Bahagian kuadrat ini menunjukkan kekuatan yang kecil sahaja.

## **1.10 Definisi Terma**

### **Pembangunan :**

Perihal membangunkan, proses membangun untuk mencapai kemajuan, perkembangan. Ia juga bermaksud usaha atau kegiatan membangunkan, memajukan dan mengembangkan sesuatu.

### **Kandis Resource Centre (KRC) :**

KRC terletak di berhampiran dengan Pantai Kampung Kandis, Bachok. Ianya telah ditubuhkan pada tahun 2000 bagi menyalurkan bantuan dan sumbangan daripada organisasi, badan, pertubuhan dan individu untuk projek Pameran Semangat Kayu dan Projek Buku *Spirit of Wood*. KRC terletak di atas sebidang tanah seluas 6 ekar yang berhampiran dengan pantai di Kampung Kandis, Bachok. Pusat ini menawarkan pelbagai pakej lawatan, kemudahan, aktiviti dan khidmat bagi semua peringkat dan lapisan masyarakat dari peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi dan ilmunan, golongan seniman, tukang, pengkaji dan peminat seni. Alamat lengkap Kandis Resource Centre ini ialah Lot 225, Kampung Kandis, Telong, 16310 Bachok, Kelantan Darul Naim.

**Pemangkin :**

Sesuatu yang faktor yang dapat mempercepat atau menyegerakan berlakunya sesuatu perkembangan dan sebagainya.

**Pelancongan Pendidikan :**

Pelancongan pendidikan boleh terbahagi kepada dua iaitu pertama sebagai penawaran tempat pembelajaran yang formal seperti penubuhan institusi pengajian tinggi dan kedua sebagai memberi ilmu dan pendedahan secara tidak langsung kepada yang berkaitan dalam aktiviti pelancongan dan dalam konteks ini, ianya dapat memberikan peluang kepada para remaja, belia atau pelajar untuk mengenali tempat-tempat menarik yang terdapat di kawasan-kawasan tarikan pelancongan seperti tempat-tempat sejarah, kebudayaan, eko pelancongan dan sebagainya yang dapat memberikan pengalaman dan juga pembelajaran mereka.